

TEMPOH PENGAJIAN

KAEDAH PENGAJIAN	JANGKA MASA	
	MINIMUM	MAKSIMUM
<input checked="" type="checkbox"/> Sepenuh Masa	2 Tahun (4 semester)	3 Tahun (6 semester)
<input checked="" type="checkbox"/> Separuh Masa	3 Tahun (6 semester)	4 Tahun (8 semester)

YURAN PENGAJIAN

	SEPUHUH MASA	SEPARUH MASA
<input checked="" type="checkbox"/> Pelajar Tempatan	RM 1,500	RM 1,300
<input checked="" type="checkbox"/> Pelajar Antarabangsa	RM 3,500	

CARA MEMOHON

Sila Hubungi

PUSAT PENGAJIAN CITRA UNIVERSITI (CITRA UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

 +603 8921 6870/6872

 siswazahcitra@ukm.edu.my

 <https://www.ukm.my/citra/>

Kemasukan pelajar adalah dibuka sepanjang tahun.
Borang boleh diisi melalui pautan <https://join.ukm.my>
atau dengan mengimbas kod QR dibawah



CiTRA
U K M

SARJANA SAINS CITRA (SSn Citra)

Pusat Pengajian Citra Universiti (CITRA UKM)



SEMESTER 1
SESI 2022/2023

LATAR BELAKANG

Pos Pendidikan Citra Universiti (CITRA-UKM) dinaiktaraf sebagai pos pengajian ber taraf fakulti secara rasmi pada 1 Mac 2021. Sebelum ini ia dikenali sebagai Pos Citra Universiti yang ditubuhkan pada 1 Mei 2013 menggantikan Pos Pengajian Umum (PPU), Pos Akreditasi Pembelajaran (PAP) dan Pos Pembangunan Keusahawanan & EKS (UKM CESMED) sejajar dengan saranan pihak Kementerian Pengajian Tinggi mengenai keperluan pihak pemberi pengajian tinggi di negara ini memberi perhatian khusus kepada Pendidikan Liberal dan Multidisiplin dalam semua program pengajian.

Objektif penubuhan Pos Pengajian Citra Universiti (Citra UKM) adalah bertepatan dengan saranan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara melalui aspirasi negara dan Falsafah Pendidikan Negara (perkara 1.02) iaitu: Selaras dengan teras kedua Misi Nasional, negara perlu melahirkan modal insan yang memiliki minda pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi yang berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi. Modal insan yang dibangunkan perlu mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang unggul. Bersesuaian dengan matlamat pembangunan modal insan yang dihasratkan, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara digubal dengan visi untuk mentransformasikan pengajian tinggi dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Transformasi ini merupakan peletakan asas ke arah kegemilangan dan kelestarian pengajian tinggi melangkuai tahun 2020.

Justeru sederap dengan visi, misi dan matlamat Pendidikan Citra UKM, Pos Pengajian Citra Universiti beraspirasi melahirkan graduan yang holistik dan mempunyai identiti UKM menerusi pendekatan pembentukan minda dan pembinaan sahsiah. Pendidikan Citra UKM berupaya memenuhi tuntutan pasaran dengan membangunkan modal insan yang kreatif, inovatif serta mampu menguasai dan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran insaniah bagi mendepani cabaran dan bersaing di dunia sebenar.

PROGRAM YANG DITAWARKAN

Program yang ditawarkan adalah secara sepenuh masa atau separuh masa dalam pengajian berikut:

Sarjana Sains Citra (SSn Citra)

Mod Penawaran Program ini adalah Penyelidikan Sepenuhnya.

TUJUAN PROGRAM

Menyediakan peluang baharu kepada calon/pelajar untuk mengikuti satu bentuk struktur pengajian dalam bidang Sains Citra di bawah disiplin pengajian umum (general studies discipline) yang bersifat merentas dan pelbagai disiplin (cross and multidisciplinary).

Meneroka gabungan bidang/disiplin Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Sains Sosial bagi menghasilkan satu kajian yang memberikan sumbangan baharu dan tuntutan semasa pihak-pihak berkepentingan seperti pihak industri, agensi kerajaan dan organisasi komuniti. Contohnya, satu penyelidikan dan penerbitan yang dilakukan bersama industri/agensi kerajaan/organisasi komuniti dimeterai melalui satu MoA antara Citra UKM dan pihak industri/agensi kerajaan/organisasi komuniti.

CITRA

KAEDAH PEMBELAJARAN



Dengan ini pelajar program ini sentiasa akan memperolehi pembelajaran melalui pengalaman yang terkini menerusi ruang pembelajaran yang futuristik termasuk dari segi penggunaan teknologi terkini.

BIDANG PENYELIDIKAN

Dasar dan amalan Pos Pengajian Citra Universiti adalah konsisten dengan visi, misi dan matlamat UKM. Program Ijazah Sarjana Sains Citra yang ditawarkan adalah bersifat merentas disiplin, pelbagai disiplin (multidiscipline) dan luwes serta fleksibel tanpa terikat dengan sesuatu bidang pengajian konvensional.

BIDANG PENGAJIAN	PENGKHUSUSAN PENGAJIAN
SAINS	<ul style="list-style-type: none">✓ Bioteknologi, Etika dan Pengguna (Biotechnology, Ethics and Consumers)✓ Sains Tauhidik (Tawhidic Science)✓ Kejuruteraan Alam Sekitar (Environmental Engineering) dan lain-lain
TEKNOLOGI	<ul style="list-style-type: none">✓ Teknologi Disruptif, Peluang dan Pengurusan Risiko (Disruptive Technologies, Opportunities and Risk Management)✓ Data Raya, Peluang dan Keselamatan (Big Data, Opportunities and Security)✓ Kepintaran Kreatif dan Inovasi (Creative Intelligence and Innovation)✓ Rakan Kongsi Manusia Mesin dan Nilai Etika (Human-Machine Partnership and Ethical Values) dan lain-lain
KEMANUSIAAN	<ul style="list-style-type: none">✓ Etika✓ Professionalisme✓ Pengurusan Manusia dan Rundingan (People Management and Negotiation)✓ Minda, Personaliti dan Pembangunan Karektor (Mind, Personality and Character Development)✓ Pemikiran Kritis, Keusahawanan dan Reka Bentuk (Critical Thinking, Entrepreneurship and Design)✓ Kesenian dan lain-lain✓ Agama dan Kerohanian (Spirituality)
SAINS SOSIAL	<ul style="list-style-type: none">✓ Kemahiran Personal✓ Kepimpinan✓ Komunikasi Profesional dan Kolaborasi (Professional Communication and Collaboration)✓ Budaya dan Transformasi Digital✓ Pengurusan Perubahan (Digital Culture and Transformation, and Change Management) dan lain-lain